

ARTIKEL KESELAMATAN

Pokok-Pokok Dan Talian Aerial (atas) Elektrik

Pokok dan tumbuhan kecil adalah antara element penting dalam penghasilan lanskap yang menarik dan indah. Kehadiran pokok-pokok ini bukan sahaja membuat sesuatu tempat kelihatan cantik tetapi juga mampu berfungsi sebagai pagar semulajadi, pelindung angin dan juga tempat berteduh dari pancaran sinaran matahari. Sesetengah daripada kita juga menanam pokok buah-buahan untuk menikmati hasil buahnya.

Walaupun bagaimanapun, adakah anda sedar bahaya yang bakal terjadi sekiranya pokok yang ditanam membesar terlalu dekat dengan talian atas elektrik? Kehadiran pokok yang terlalu rapat dengan talian atas elektrik boleh mendatangkan bahaya kepada manusia dan boleh menyebabkan berlakunya gangguan kuasa elektrik terutamanya ketika berlakunya kilat dan angin kuat. Ranting-ranting yang bersentuhan dengan talian kuasa boleh menghasilkan percikan api. Sekiranya talian tersebut terputus, ini boleh menyebabkan berlakunya kecederaan yang serius seperti renjatan elektrik terutamanya kepada manusia dan juga haiwan. Bersentuhan dengan talian atas elektrik semasa memanjat pokok atau mencantas pokok yang tumbuh berdekatan dengan talian atas elektrik juga boleh menyebabkan kematian. Renjatan elektrik juga boleh berlaku tanpa sentuhan dengan talian atas elektrik terutamanya pada talian kuasa bertekanan tinggi melalui sambaran arus elektrik. Atas sebab-sebab tersebut maka adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat untuk bekerjasama dalam mengurangkan risiko dan bahaya ini dengan memastikan pokok-pokok tidak berada terlalu rapat dengan talian atas elektrik.

Seorang Lelaki Telah Terkena Renjatan Elektrik Di Atas Pokok Rambutan

Pada 16 November 2008, seorang petani berusia 66 tahun telah memanjat pokok rambutan. Beliau telah mencantas beberapa ranting pokok rambutan dengan menggunakan sebilah pisau. Dalam proses mencantas ranting pokok tersebut, salah satu daripada ranting yang dipotongnya jatuh terkena talian atas elektrik bertekanan 33,000 volt. Kejadian ini telah menyebabkan berlakunya sambaran elektrik di mana arus berkuasa tinggi mengalir melalui ranting pokok dan petani. Petani tersebut mengalami kecederaan melecun yang serius akibat renjatan elektrik dan meninggal dunia.



Lokasi pokok rambutan dan talian atas elektrik yang bertekanan 33,000 volt



Ranting pokok yang telah dicantas oleh petani tersebut

Gambar-gambar menunjukkan keadaan mangsa-mangsa yang mengalami kecederaan melecun dan mati akibat renjatan elektrik.




Panduan Keselamatan Untuk Mengurangkan Risiko

Orang awam adalah digesa supaya berhati-hati apabila menanam pokok di kawasan yang berhampiran dengan talian atas elektrik memandangkan risiko dan bahaya keadaan tersebut. Berikut merupakan panduan keselamatan untuk memastikan keselamatan anda dan masyarakat sekitar terjamin:

- Pokok-pokok yang ditanam mestilah pada jarak sekurang-kurangnya 8 meter dari talian atas elektrik utama yang bertekanan tinggi dan amat tinggi. (lalu talian atas elektrik utama biasanya selari dengan jalanraya). Sebarang pokok yang matang tidak boleh mempunyai ranting yang menjangkau dalam lingkungan 5 meter dari talian atas elektrik. (rujuk Ilustrasi 1).
- Sekiranya anda ingin menanam pokok pada jarak kurang daripada 8 meter, anda perlu pilih tanaman yang tumbuh rendah atau renek. Sentiasa menyelenggara dan memastikan pokok tersebut berada dalam kawasan bebas semak pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 meter dari talian atas elektrik (rujuk Ilustrasi 1)
- Sekiranya anda mempunyai pokok yang tumbuh terlalu dekat dengan talian kuasa sila hubungi pejabat SESCO yang berdekatan untuk memohon khidmat nasihat dalam menebang atau mencantas ranting pokok tersebut yang hanya boleh dilakukan oleh kontraktor yang terlatih.
- Kerja penyelenggaraan pokok banyak mengundang kepada bahaya terkena renjatan/sambaran elektrik. Pastikan semua kelengkapan dan juga peralatan yang digunakan berada pada kedudukan tidak kurang 15 kaki dari talian kuasa bertekanan tinggi atau amat tinggi.
- Terdapat kes-kes di mana kontraktor SESCO perlu memotong pokok-pokok yang mengganggu penghantaran kuasa elektrik ataupun yang boleh mendatangkan bahaya. Langkah ini bukan dilakukan dengan sewenang-wenangnya oleh kontraktor SESCO tetapi dilakukan untuk melindungi anda, keluarga anda dan juga jiran anda.

Talian Atas Elektrik



Ilustrasi 1: Jarak di antara pokok dan tumbuhan dari talian atas elektrik yang disyorkan.

Mematuhi Perundangan Berkenaan Dengan Jarak Kelegaan Keselamatan

Orang awam adalah digesa untuk mematuhi Peraturan Elektrik 1999 (The Electricity Rules 1999) apabila melakukan aktiviti yang berhampiran dengan kawasan talian kuasa atas. Berikut adalah peraturan keselamatan yang berkenaan:

§ Peraturan 42(d), The Electricity Rules 1999, menyatakan bahawa "tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran sah daripada pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pepasangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang berkedudukan dalam jarak 2134 milimeter (7 kaki) mengufuk atau 2743 milimeter (9 kaki) menegak dari mana-mana konduktor talian yang bertekanan rendah".


§ Rules 43(j), The Electricity Rules 1999, menyatakan bahawa "tiada seorang pun boleh, tanpa kebenaran sah daripada pemunya, pengurusan, pemegang lesen atau pihak berkuasa bekalan pepasangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang berkedudukan dalam lingkungan kawasan 4.57 meter (15 kaki) daripada konduktor bertekanan tinggi atau terlebih tinggi".



Pastikan kedudukan peralatan berada pada jarak tidak kurang 15 kaki dari talian atas elektrik

Hanya orang yang berkelayakan boleh memotong/mencantas pokok berhampiran talian atas elektrik

Bekerja berhampiran dengan talian kuasa adalah bahaya. Hanya orang yang terlatih dan berkelayakan sahaja boleh bekerja pada atau berhampiran dengan talian atas elektrik dengan menggunakan peralatan yang sempurna dan cara kerja yang selamat. Orang awam adalah dinasihatkan agar berhati-hati supaya tidak menghampiri talian atas elektrik dan menghubungi SESCO untuk nasihat atau bantuan.



Demi keselamatan hanya pekerja yang berkelayakan sahaja yang boleh menebang pokok atau mencantas ranting pokok yang berdekatan dengan talian atas elektrik

Kami Menghargai Bantuan Anda

Anda boleh membantu kami dalam memastikan keselamatan masyarakat dengan melakukan yang berikut::

- Memberi kerjasama kepada pekerja SESCO dan kontraktor SESCO yang menghubungi anda untuk membuat kerja penyelenggaraan di kawasan izin lalu yang berhampiran dengan kawasan anda.
- Menghubungi kami apabila anda melihat pokok yang berkemungkinan akan tumbang dan menghempap talian atas elektrik atau dalam keadaan merbahaya.
- Menghubungi kami jika anda mempunyai persoalan ataupun perlu penjelasan mengenai tumbuhan yang berhampiran dengan talian kuasa.
- Menghubungi kami sebelum anda membuat kerja berhampiran dengan talian atas elektrik.

Sila Hubungi Kami

Jika anda memerlukan penjelasan atau ada persoalan, sila hubungi kami di Pejabat SESCO berhampiran dengan kawasan anda atau Unit Merinyu Elektrik 082-258258.

Kuching	: 082 -333111	Sibu	: 084-334566
Kota Samarahan	: 082 -333111	Kanowit	: 084-752020
Siburan	: 082-864227	Kapit	: 084-796020
Bau	: 082-763151	Mukah	: 084-871020
Serian	: 082-874166		: 019-8177074
Lundu	: 082-735060	Dalat	: 084-864296
Asajaya	: 082-828118		: 019-8177093
Simunjan & Sibuyau	: 082-803776	Oya / Igan	: 019-8177093
		Song	: 084-777020
Sri Aman	: 083-321486	Belaga	: 086-461020
Lingga / Pantu / Lubok Antu	: 083-321486		
Betong	: 083-472190	Sarikei	: 084-654242
Saratok	: 083-438955	Bintangor	: 084-654242
Pusa	: 083-465358	Pakan / Julau / Paloh	: 084-654242
		Daro / Matu / Pulau Bruit	: 084-823255
Miri	: 085-661111		: 084-654242
	: 085-652020	Tg. Manis / Belawai	: 084-815228
Marudi	: 085-755231		: 084-654242
Ladang Tiga	: 085-710442	Bintulu	: 086-335237
Bekenu	: 085-710442	Tatau	: 086-584639
Long Lama	: 085-771311	Sebauh	: 086-422151
		Sg Asap, Bakun	: 019-8877841
Limbang	: 085-212079		
Lawas	: 085 -285126		

PROGRAM KESEDARAN TENTANG KESELAMATAN ELEKTRIK

Diterbitkan bersama oleh:

